**JABATAN LAUT MALAYSIA**
Ibu Pejabat Laut Wilayah Utara
Jalan Akuarium
11700 Gelugor
PULAU PINANG

Tel : 604-657 8494
Faks : 604-657 5521
Laman Web : www.marine.gov.my

**PEKELILING PELABUHAN NO.15/2021**
***PORT CIRCULAR NO. 15/2021***

| | | |
|---|---|---|
| DARIPADA<br>*FROM* | :<br>: | PENGARAH LAUT WILAYAH UTARA<br>*DIRECTOR OF MARINE NORTHERN REGION* |
| KEPADA<br>*TO* | :<br>: | MASYARAKAT PERKAPALAN<br>*GENERAL SHIPPING COMMUNITY* |
| TARIKH<br>*DATE* | :<br>: | 03 Jun 2021<br>*03 June 2021* |
| CARTA BERKAITAN<br>*RELEVANT CHART* | : | MAL 565 (KO TARUTAO – P.PINANG) |

## PERISYTIHARAN YAN, KEDAH SEBAGAI SEBUAH PELABUHAN PERSEKUTUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Menteri Pengangkutan Malaysia telah mengisytiharkan Yan dalam Negeri Kedah sebagai suatu pelabuhan mengikut pengertian seksyen 5 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [Ord.70/1952]. Had pelabuhan Yan telah ditentukan melalui Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(B) 259 bertarikh 10 Mei 2021 mengikut seksyen 6 Ordinan yang sama.

Pejabat Laut Yan dikendalikan di bawah tanggungjawab Pegawai Pelabuhan Negeri Kedah yang mempunyai kawal selia umum terhadap semua perkara berkaitan dengan perkapalan dagang di semua pelabuhan di dalam Negeri Kedah seperti, tetapi tidak terhad kepada –

- Pendaftaran kapal
- Keanggotaan kapal
- Kapal penumpang
- Keselamatan dan sekuriti pengangkutan maritim
- Pencemaran dari kapal
- Garis beban dan pemuatan
- Siasatan perkapalan
- Penghantaran barangan
- Liabiliti pemilik serta orang lain dan insurans wajib
- Wrek dan salvaj
- Rumah api
- Pemaliman
- Pelabuhan dan pegawai pelabuhan; dan

## DECLARATION OF YAN, KEDAH AS A FEDERAL PORT

*This Circular serves to inform that The Minister Of Transport, Malaysia has declared Yan in the State of Kedah to be a port within the meaning of section 5 of the Merchant Shipping Ordinance 1952 [Ord. 70/1952]. The Yan port limit has been defined through the Federal Goverment Gazette P.U (B) 259 dated 10 May 2021, in accordance with the powers conferred by section 6 of the Ordinance.*

*Yan port office shall be maintained under the charge of a Kedah Port Officer who shall have the general supervision of all matters relating to merchant shipping throughout all Kedah ports such as, but not limited to –*

- *Registry of ship*
- *Ship personnel*
- *Passenger ships*
- *Maritime transport safety and security*
- *Pollution from ship*
- *Load line and loading*
- *Shipping inquiries*
- *Delivery of goods*
- *Liabilities of owners and others and compulsary insurance*
- *Wreck and salvage*
- *Lighthouses*
- *Pilotage*
- *Ports and port officers; and*
- *Control of shipping*

Semua perkara yang berkaitan dengan perkapalan dagang di dalam had pelabuhan Yan hendaklah melalui Pegawai Pelabuhan Negeri Kedah di talian 04-6578494 atau e-mel pjlwut@marine.gov.my dan Timbalan Pegawai Pelabuhan Negeri Kedah di talian 04-7621206 atau e-mel ppkkh@marine.gov.my

*All matters relating to merchant shipping throughout Yan port limit shall go through the Kedah Port Officer at 04-6578494 or email pjlwut@marine.gov.my and the Kedah Deputy Port Officer at 04-7621206 or email ppkkh@marine.gov.my*

**(NUR IZZATI BT NURHALIMI)**
*b.p Pengarah Laut Wilayah Utara*
*Director Of Marine Northern Region*